



**GAMBAR** Ahli kumpulan, Kelab Debat USIM bersama jurulatih dan penasihat debat bahasa Arab melawat Universitas Al-Azhar, Indonesia.

# Rehlah Nusantara membudayakan bahasa Arab

**B**UAT julung kalinya, Kelab Debat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) mengadakan lawatan Rehlah Nusantara ke beberapa universiti Indonesia bagi memperkenalkan Kejohanan Debat Bahasa Arab Peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN yang akan berlangsung September ini.

Seramai 17 pelajar USIM yang diiringi tiga jurulatih dan penasihat debat bahasa Arab iaitu Dr Ahmad Pangidoan Nasution, Hamadallah Mohammad Salleh dan Ahmad Norsyafwan Norawawi menjayakan lawatan selama seminggu itu.

Pengarah program, M

Syamsul Anam Qamarul Huda, 23, berkata lawatan dianjurkan bagi mengeratkan hubungan persaudaraan USIM dengan IPT Islam di Indonesia terutama Jakarta dan Bandung yang menjadi pusat tumpuan pertumbuhan universiti Islam negara itu.

Beliau menyifatkan lawatan itu mencapai objektif penganjurannya apabila menerima maklum balas baik dan persetujuan menghantar penyertaan daripada universiti dikunjungi termasuk Universitas Muhammadiyah Jakarta, Universitas Al-Azhar dan Universitas Islam Nusantara, Bandung.

"Pendebat bahasa Arab dan ahli pengurusan debat USIM yang menyertai lawatan mengadakan simulasi debat bahasa

Arab bagi memberi gambaran kepada pihak universiti di sana mengenai kaedah debat ala Parlimen Malaysia.

"Susulan sesi itu, penerangan mengenai peranan setiap pendebat, syarat perdebatan dan penyertaan disampaikan Dr Ahmad Pangidoan supaya mereka lebih memahami pengisian pertandingan debat. Sesi soal jawab turut diadakan bagi menjawab kemusykilan pelajar universiti berkenaan," katanya.

Sementara itu, peserta program lawatan Rehlah Nusantara, Nor Kamalia Baharum, berkata beliau terkejut dan terharu dengan sambutan meriah ketika berkunjung ke Universitas Islam Nusantara, Bandung.

"Kedatangan delegasi USIM



**SESI** ramah mesra selepas acara simulasi dan penerangan debat.

disambut meriah pihak universiti berkenaan dengan selawat dan iringan paluan kompang dialunkan. Selesai acara simulasi debat dan penerangan mengenai debat ASEAN, kami sempat bertemu rektor

universiti itu yang tidak lokek berkongsi pengetahuan dan pendapat mengenai pelbagai perkara terutama acara debat bertaraf antarabangsa yang bakal USIM anjurkan.

"Kami berharap kejayaan

program Rehlah Nusantara ini akan mendorong universiti yang dilawati untuk turut sama memeriahkan Kejohanan Debat Bahasa Arab Peringkat IPT ASEAN di USIM pada September ini," katanya.